

PENUBUHAN ZON BEBAS

Permohonan untuk menubuhkan zon bebas hendaklah dibuat dengan melalui proses berikut:

1. Pemohon perlu menyediakan satu kertas kerja kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk sokongan.
 - 1.1 Kertas kerja perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a) Lokasi kawasan dan keluasan kawasan.
 - b) Status tanah (guna tanah / pemilikan tanah).
 - c) Aktiviti yang ingin dijalankan (Perdagangan / Pengilangan / Peruncitan).
 - d) Jenis barang dan perkhidmatan yang terlibat.
 - e) Justifikasi permohonan kawasan sebagai zon bebas.
 - f) *Business development planning* untuk memajukan kawasan.
 - g) Sumber kewangan.
 - h) Jangkaan *return on investment* (ROI).
 - i) Maklumat syarikat seperti Ahli Lembaga Pengarah / *share holder*.
 - j) Impak terhadap ekonomi, sosial, keselamatan dan persekitaran.
 - k) Sokongan daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan lain-lain.
 - l) Lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
2. Surat permohonan, kertas kerja permohonan pewartaan dan surat sokongan daripada Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) hendaklah dimajukan kepada alamat seperti di bawah bagi mendapatkan surat kelulusan dasar dari Kementerian Kewangan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Cukai
Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

dan salinan kepada:

Ketua Pengarah Kastam
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Perkastaman
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

3. Selepas surat kelulusan dasar dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, pemohon hendaklah berhubung dengan JKDM Negeri yang berkenaan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam surat kelulusan dasar.
4. Pemohon hendaklah membangunkan infrastruktur di kawasan yang hendak dibangunkan sebagai sebuah zon bebas. Laporan kemajuan pembangunan kawasan dan pematuhan syarat-syarat surat kelulusan dasar secara berkala (sekurang-kurangnya enam bulan sekali) hendaklah dimajukan kepada Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM dan sesalinan kepada JKDM Zon / Negeri yang berkenaan.
5. Dalam masa yang sama, dokumen-dokumen berikut perlu disediakan :
 - a) Tiga (3) salinan Pelan Warta yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri.
 - b) Surat pencalonan Pihak Berkuasa Zon yang telah disokong oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
 - c) Surat sokongan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
 - d) Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
6. Setelah pembangunan kawasan siap sepenuhnya dengan mematuhi syarat-syarat di dalam surat kelulusan dasar serta keperluan Kastam, pemohon hendaklah mengemukakan laporan penuh kepada JKDM Zon / Negeri. Laporan lengkap hendaklah meliputi pembangunan infrastruktur, pejabat Kastam serta agensi lain yang berkaitan, pos kawalan Kastam di pintu keluar / masuk, kedudukan pagar, gambar-gambar lokasi serta dokumen-dokumen di Para 5.
7. JKDM Zon / Negeri hendaklah membuat lawatan tapak bagi mengesahkan laporan yang dikemukakan oleh pemohon.
8. Seterusnya, JKDM Zon / Negeri hendaklah mengemukakan laporan dan sokongan terhadap permohonan pewartaan kepada Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat meliputi perkara-perkara berikut:
 - a) Ulasan JKDM Zon / Negeri terhadap laporan daripada pemohon.
 - b) Kesediaan kawasan untuk diwartakan.
 - c) Senarai perjawatan pegawai yang diperlukan.
 - d) Anggaran kos setahun yang perlu ditanggung oleh JKDM (penggajian, kos pengurusan, kos sewaan bangunan, kos operasi dan lain-lain).
 - e) Keperluan dan kos aset alih, peti besi, kenderaan, mesin pengimbas dan lain-lain (sekiranya perlu).
 - f) Gambar-gambar lokasi.
9. Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat hendaklah mengambil tindakan berikut:
 - 9.1 Membuat lawatan tapak bagi mengesahkan laporan yang dikemukakan oleh JKDM Zon / Negeri dan pemohon.

- 9.2 Membuat laporan dan ulasan lengkap bagi tujuan pewartaan kawasan kepada Unit Kajian dan Pemantapan Undang-Undang, Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat.
10. Unit Kajian dan Pemantapan Undang-Undang Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat hendaklah merangka deraf pemberitahuan pewartaan berdasarkan laporan lengkap yang diterima untuk semakan Bahagian Perundangan, Ibu Pejabat.
 11. Setelah semakan dilakukan, Bahagian Perundangan, Ibu Pejabat akan mengemukakan deraf pemberitahuan pewartaan dan laporan yang diterima kepada Jabatan Peguam Negara.
 12. Jabatan Peguam Negara akan mengesahkan deraf pemberitahuan pewartaan dan seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk ditandatangani oleh Menteri.
 13. Kementerian Kewangan akan mengembalikan pemberitahuan pewartaan yang telah ditandatangani oleh Menteri kepada Jabatan Peguam Negara untuk dimuatnaik ke dalam Warta Kerajaan Persekutuan.
 14. Setelah kawasan diwartakan, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat pelantikan Pihak Berkuasa Zon (bagi permohonan pewartaan kawasan zon bebas baharu).
 15. Selaras dengan peruntukan Seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990, sesuatu kawasan zon bebas hendaklah diisytiharkan sebagai zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas melalui pemberitahuan dalam warta. Sehubungan dengan itu, sesebuah kawasan tidak boleh beroperasi sebagai sebuah zon bebas sehingga kawasan tersebut diisytiharkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.
 16. Pihak Berkuasa Zon yang telah dilantik hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab mentadbir, menyelenggara dan mengendali bagi kawasan yang telah diwartakan mengikut peruntukan di dalam Akta Zon Bebas 1990 dan Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.

